

# Hapus **RM8.3 bilion** hutang peneroka

Warga Felda lega kerajaan bantu ringan beban ditanggung

Oleh Sri Ayu Kartika Amri  
kartika@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sempena Hari Peneroka Felda 2021, Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan kerajaan melalui Felda bersetuju melupuskan sebahagian pinjaman peneroka berjumlah RM8.3 bilion.

Pelupusan itu dilaksanakan melalui inisiatif pelarasan pinjaman peneroka secara bersyarat terutama bagi generasi awal Felda.

Ini ternyata memberi kelegaan kepada peneroka kerana hutang berkurangan purata 80 peratus bagi setiap peneroka.

Profesor Madya di Sekolah Perniagaan Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Dr Abdul Rahim Abdul Samad berkata, melihat kepada perincian inisiatif pelarasan pinjaman berkenaan beliau berpandangan ia satu langkah bijak yang diambil oleh kerajaan dan Felda.

Menurutnya, perkara utama dapat dilihat daripada inisiatif pelarasan pinjaman ini ialah ia bersifat holistik yang mana pelupusan bersyarat itu merangkumi empat kumpulan hutang meliputi majoriti



Inisiatif ini meringankan beban hutang ditanggung peneroka malah berita gembira kepada saya kerana tidak mampu menyelesaikan hutang yang dibuat pada 2010 selepas menanam semula kelapa sawit”

Jafer Jais, 66, Felda Kepis

utama peneroka.

Beliau berkata, kumpulan pertama adalah membabitkan pelarasan sebahagian baki pinjaman tanam semula sehingga 31 Disember 2019, berjumlah RM8 bilion yang memberi manfaat kepada 92,441 peneroka (iaitu meliputi 82 peratus dari keseluruhan 112,638 warga peneroka).

Kumpulan kedua katanya ialah pelarasan sebahagian baki tunggakan pinjaman baja sehingga 31 Disember 2019, berjumlah RM168 juta, membabitkan 52,180 peneroka (iaitu meliputi 46 peratus warga peneroka).

“Manakala kumpulan ketiga iaitu pelarasan sepe-

**RM8.3b**  
Sebahagian pinjaman peneroka Felda yang dilupuskan kerajaan

nuhnya baki pinjaman saham FGV Holdings Bhd sehingga 7 Julai 2021, bernilai RM78 juta, membabitkan 38,043 peneroka (iaitu meliputi 34 peratus warga peneroka) dan kumpulan keempat membabitkan pelarasan sepenuhnya baki pinjaman pembangunan asal sehingga 31 Disember 2019, berjumlah RM56 juta yang akan dinikmati 6,711 orang peneroka (iaitu kira-kira 6.0

peratus warga peneroka).

“Inisiatif ini memberi situasi menang-menang kepada pihak peneroka dan Felda. Dari sudut kelebihan kepada peneroka, pelupusan hutang ini akan memberikan fleksibiliti kewangan lebih baik,” katanya.

Beliau berkata, lebih wang itu seterusnya boleh dibelanjakan di pasaran domestik yang secara tidak langsung merancakkan aktiviti ekonomi serta dimanfaatkan untuk menambah jumlah simpanan peneroka seperti simpanan Tabung Haji atau ASB untuk kegunaan di masa hadapan atau waktu kecemasan.

Di samping itu juga katanya, apabila tidak terbeban dengan hutang tinggi, peneroka akan lebih bermotivasi dan boleh menumpukan sepenuh perhatian kepada aktiviti perladangan dengan meningkatkan hasil yang lebih konsisten.

Dari sudut kelebihan kepada pihak Felda pula, inisiatif ini akan memberikan nafas baru dalam pengurusan hasil dan ladang yang lebih baik berbanding syarikat perladangan lain.

“Saya menjangkakan prestasi peneroka dan Felda akan meningkat kerana hanya satu entiti sahaja yang menguruskan hasil ladang sawit berbanding dengan sebelum ini yang mana pelbagai pihak turut terbabit,” katanya.

Dr Rahim berkata, sekiranya peneroka memilih menguruskan ladang mereka sendiri, mereka perlu melaksanakan pengurusan ladang mengikut kaedah, piawaian, amalan pertanian baik dan prosedur operasi standard ditetapkan Felda.

Konsep kebersamaan antara peneroka dan pihak pengurusan Felda harus dipupuk dengan harmoni.

Bagaimanapun katanya, Felda haruslah memastikan harga pembelian hasil ladang daripada peneroka kekal kompetitif serta memberi impak positif kepada peneroka.

Katanya, secara keseluruhan inisiatif pelupusan hutang dilaksanakan kerajaan ini tepat pada masanya.

“Hanya dengan cara ini, segala masalah dan kemelut melanda peneroka dan pihak Felda dapat dikenal pasti dan ditangani,” katanya.



Penghapusan sebahagian hutang meringankan beban peneroka bagi melaksanaan hutang mereka bersama Felda. Peneroka menerima manfaat penghapusan sebahagian hutang ini dan boleh menumpukan sepenuh tenaga serta usaha bersama Felda dan kerajaan memperkasakan semula Felda”

Karip Mohd Salleh, Ketua Peneroka Negeri Sembilan



Saya gembira dengan pengumuman Perdana Menteri sempena hari peneroka pada 7 Julai lalu. Jika mahu bayar sendiri hutang sudah tentu akan mengambil masa yang lama untuk diselesaikan dan apabila pelupusan hutang ini diumumkan ia amat membantu peneroka”

Izhar Yaakub, 64, Felda Raja Alias Dua

## INISIATIF PELARASAN PINJAMAN PENEROKA SECARA BERSYARAT

FELDA melupuskan sebahagian pinjaman peneroka berjumlah **RM8.3 bilion**

	Jumlah	Penerima manfaat	*Peratus
1. Pelarasan sebahagian baki pinjaman tanam semula sehingga 31 Disember 2019	<b>RM8.0 bilion</b>	<b>92,441</b>	<b>82%</b>
2. Pelarasan sebahagian baki tunggakan pinjaman baja sehingga 31 Disember 2019	<b>RM168 juta</b>	<b>52,180</b>	<b>46%</b>
3. Pelarasan sepenuhnya baki pinjaman saham FGV Holdings Bhd sehingga 7 Julai 2021	<b>RM78 juta</b>	<b>38,043</b>	<b>34%</b>
4. Pelarasan sepenuhnya baki pinjaman pembangunan asal sehingga 31 Disember 2019	<b>RM56 juta</b>	<b>6,711</b>	<b>6%</b>

% dari keseluruhan 112,638 warga peneroka);

Dengan inisiatif ini, bebanan pinjaman yang ditanggung peneroka akan berkurangan sebanyak purata **80%** setiap peneroka.



Purata bayaran balik pinjaman pula dijangka berkurangan daripada sekitar **RM800-RM1000**, kepada hanya **RM250-RM300** sebulan bagi peneroka sawit dan serendah **RM150** bagi peneroka getah iaitu satu kadar yang sangat munasabah dan mampu dibayar oleh mereka.

Keputusan kerajaan melupuskan sebahagian hutang pinjaman peneroka berjumlah RM8.3 bilion membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap peneroka. Ada peneroka tidak mampu menjelaskan hutang mereka dan pengumuman ini sudah lama ditunggu”

Mohd Tarmize Abdullah, 49, Felda Bukit Bading



Sebagai generasi kedua Felda, kami terharu dan berterima kasih kepada kerajaan atas keprihatinan membantu peneroka melaksanaan sebahagian hutang masing-masing. Kami berharap lebih banyak bantuan daripada kerajaan membantu peneroka yang turut terjejas susulan pandemik Covid-19”

Mohd Sufian Mat Noor, 45, Felda Chalok Barat